

Tun Mahathir stabil, beri tindak balas baik

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berada dalam keadaan stabil di Institut Jantung Negara (IJN) dan memberi tindak balas yang baik kepada rawatan.

Anaknya, Datin Marina, ketika mengesahkan perkara itu dalam satu kenyataan ringkas lewat petang semalam, berkata bapanya ditempatkan di IJN sejak Khamis lalu.

“Sejak dua hari lalu, Tun Dr Mahathir Mohamad dirawat di IJN lanjutan prosedur elektif yang berjaya dilaksanakan pada 8 Januari 2022. Keadaan beliau kini stabil dan memberi tindak balas yang baik kepada rawatan. Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan keluarga memohon agar

rakyat mendoakan supaya beliau segera sembuh sepenuhnya,” katanya.

Ini kali kedua Dr Mahathir dimasukkan ke IJN dalam bulan ini selepas 7 Januari lalu apabila beliau menjalani prosedur perubatan elektif dan dibenar keluar enam hari kemudian. Pada 16 Disember 2021, beliau turut dimasukkan ke pusat sama untuk pemeriksaan perubatan menyeluruh dan pemantauan lanjut sebelum dibenarkan keluar pada 23 Disember.

Pejabat beliau mengesahkan bekas Perdana Menteri dirawat di Unit Rawatan Koronari (CCU) pusat perubatan berkenaan, namun tidak memberikan butiran lanjut.

Puluhan petugas media turut berada di IJN untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung keadaan Ahli Parlimen Langkawi itu, selain kelihatan sebuah kenderaan dengan jata Istana Negara, namun tidak dapat disahkan sama ada ia mempunyai kaitan dengan kemaskukan Dr Mahathir ke pusat perubatan berkenaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang turut menziarahi bekas pemimpin negara itu petang semalam, memaklumkan melalui Twitternya, beliau sempat bertemu Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan mendoakan supaya keluarga Dr Mahathir kekal tabah berhadapan ujian ketika ini.



Petugas media menunggu di luar IJN bagi mendapatkan perkembangan terkini Tun Dr Mahathir, semalam.

(Foto AFP)